

GANGGUAN BAHASA DARI ASPEK TATABAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU

Nor Asree Mohd Noh & Ab Halim Mohamad

ABSTRAK

Gangguan bahasa merupakan fenomena yang terhasil akibat terbawanya kebiasaan ujaran bahasa ibunda ke dalam Bahasa kedua. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana gangguan bahasa berlaku sehingga terhasilnya kesalahan tatabahasa dari segi aspek sintaks dan morfologi yang dilakukan oleh pelajar Melayu. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana data yang dikumpul melalui aktiviti penulisan pelajar akan dianalisis menggunakan analisis kesalahan. Responden kajian terdiri daripada 40 orang pelajar dalam pengkhususan bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) di Kuantan, Pahang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar kerap melakukan kesalahan dalam kata kerja, penggunaan ganti nama, frasa anaksi, infinitif, pemilihan kata sendi, tamyiz, sifat wa mausuf dan frasa kolokasi. Kesalahan-kesalahan bahasa ini adalah berpunca daripada gangguan bahasa kerana responden dilihat cenderung memindahkan ciri dan struktur bahasa ibunda mereka ke dalam bahasa yang baru dipelajari (bahasa Arab).

Kata kunci: gangguan bahasa, penulisan, kesalahan bahasa, tatabahasa, bahasa kedua.

LANGUAGE INTERFERENCES IN TERMS OF SYNTAX AND MORPHOLOGICAL AMONG THE MALAY STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of this study is to see how the language interference was happen and produced the grammatical errors in terms of syntax and morphological aspects performed by Malay students. This study is a quantitative study in which data collected through student writing activities will be analyzed using error analysis. Respondents of the study consisted of 40 students in the Arabic language profession at the Sultan Ahmad Shah Islamic University College (KUIPSAS) in Kuantan, Pahang. The findings show that students often make mistakes in verbs, use of pronouns, phrases, infinitive, word selection, tamyiz,

2 | *Gangguan Bahasa dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu*

wa mausuf and colloquial phrases. These language mistakes are due to language disruptions as respondents are seen to be reluctant to transfer their mother tongue's features and structures into newly learned languages (Arabic).

Keywords: *language disorder, writing, language error, grammar, second language.*

PENDAHULUAN

Bahasa kedua adalah bahasa yang dipelajari selepas bahasa ibunda. Proses pembelajaran bahasa kedua boleh berlaku di mana-mana sahaja seperti di pasar, restoren, padang permainan dan lain-lain secara berinteraksi dengan rakan-rakan dan sebagainya, bukan sahaja pengajaran bersama guru di kelas atau kuliah yang berbentuk formal.

Dalam dunia pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa kedua ini terdapat beberapa masalah yang perlu dihadapi oleh guru dan pelajar. Masalah ini sering dikaitkan dengan perbezaan linguistik atau linguistic difference di antara dua kaedah bahasa; bahasa asal pelajar dan bahasa kedua yang sedang dipelajari. Perbezaan ini merupakan antara faktor yang merumitkan dan menyukarkan pelajar ketika proses mempelajari bahasa kedua. (Mukattash, 1980: 333-348). Apabila terdapat jurang perbezaan yang jauh antara dua bahasa (bahasa ibunda dan bahasa kedua), maka makin banyaklah kesukaran yang perlu dihadapi oleh seseorang pelajar (Bhela, 1999). Justeru, perbezaan ini ada kalanya boleh membuatkan pelajar sukar untuk memahirkan diri dalam kemahiran bertutur dan menulis dalam bahasa kedua.

Penulisan merupakan salah satu teknik atau cara yang diguna pakai bagi memperolehi pembelajaran B2. Namun, penulisan bukan sesuatu yang mudah kerana ia perlu dilihat dalam pelbagai aspek termasuklah kandungan isi, format, struktur ayat, penbendaharaan kata, ejaan dan lain-lain (Andini Puji, 2015). Seseorang pelajar perlu berhati-hati ketika menulis atau mengarang sesuatu, tambahan pula yang dikarang itu bukan daripada bahasa asal mereka. Bagi pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab, mereka akan terdedah dengan pelbagai kaedah yang baru dan berbeza dengan bahasa ibunda mereka dari segi sebutan, ejaan, pemilihan kata dan hukum tatabahasa.

Perbezaan-perbezaan ini jika tidak diberikan perhatian secara terperinci akan menyumbang kepada kesalahan bahasa. Kesalahan bahasa boleh berlaku berpanda daripada beberapa sebab. Antara sebab punca utama berlakunya kesalahan bahasa adalah gangguan bahasa atau language interference. Kenyataan ini disokong oleh Brown (2000: 207-208) dengan menjelaskan dalam pendekatan analisis konstrastif bahawa halangan utama dalam PB2 ialah gangguan bahasa ibunda.

Menurut Dulay, Marina & Krashen (1982) gangguan bahasa adalah merujuk kepada dua sistem linguistik yang berbeza yang boleh membuatkan pelajar memindahkan struktur dan bentuk bahasa ibunda mereka ke dalam bahasa yang sedang dipelajari. Menurut Lott pula (1983: 57) gangguan bahasa ditafsirkan sebagai bahasa sasaran yang digunakan secara salah ketika proses PB2 yang diambil daripada bahasa ibunda sebagaimana kenyataan beliau: "error in the learner's use of the foreign language that can be traced back to the mother tongue". Seterusnya, Ellis (1997: 51) pula berpandangan bahawa gangguan bahasa merupakan suatu pemindahan, dan pelajar telah dipengaruhi oleh bahasa asal atau bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa kedua.

Ali al-Khuli (1988: 91-92) menjelaskan bahawa gangguan atau al-Tadakhul adalah merujuk kepada suatu situasi penguasaan bahasa yang kuat atau bahasa yang lebih dominan pada seseorang ke atas bahasa yang lemah. Beliau menambah (Ibid), kewujudan dua kaedah bahasa (iaitu bahasa ibunda dan bahasa sasaran yang sedang dipelajari) dalam fikiran seseorang, ini boleh membuatkan kaedah bahasa yang paling difahami pelajar boleh mendominasi kaedah yang baru dipelajarinya.

Gangguan adalah tabiat lama atau old habit yang merupakan bahasa ibunda yang dimiliki seseorang sejak kecil yang mengganggu dan mempengaruhi bentuk tabiat baru (new habit) atau bahasa sasar ketika proses pembelajaran bahasa. Gangguan ini akan menyebabkan kesalahan bahasa yang digelar dengan interlingual error.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN GANGGUAN BAHASA

Pengkaji-pengkaji bahasa sama ada dari dalam mahupun luar negara terus-menerus dalam usaha menjalankan kajian untuk mendapatkan jalan dan cara terbaik bagi membantu pelajar bahasa kedua atau bahasa asing. Kajian kesalahan bahasa sering dikaitkan dengan gangguan bahasa ibunda atau *mother tongue interference*. Kajian seperti ini

4 | *Gangguan Bahasa dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu*

dilakukan sejak awal tahun 80an lagi sehingga sekarang dalam pelbagai bahasa.

Bhela (1999) dalam kajiannya yang bertajuk '*Native Language Interference in Learning a Second Language: Exploratory Case Studies of Native Language Interference with Target Language Usage*' telah menjalankan satu kajian tentang gangguan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua. Pengkaji telah menjalankan satu pemerhatian ke atas empat individu dewasa yang berlatarkan bahasa ibunda yang berbeza yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Empat individu tersebut telah diminta untuk menulis dua cerita dalam bahasa ibunda mereka dan juga bahasa Inggeris untuk dianalisa. Sample kajian tersebut dianalisa bagi mengetahui kesilapan pelajar yang mencakupi struktur sintaksis, semantik dan ejaan. Mereka juga telah ditemuduga untuk mengetahui tentang mengapa dan bagaimana cara mereka menggunakan kedua-dua bahasa ibunda dan bahasa sasaran ketika ada kesilapan yang telah dikenal pasti. Antara dapatan kajian ini ketika menganalisis kedua-dua teks dalam bahasa yang berbeza menunjukkan lapan kesilapan sintaks disebabkan pengaruh bahasa ibunda ke bahasa sasaran.

Kajian Antrim (2008) pula meneroka hasil penulisan pelajar yang berbangsa Sepanyol yang menduduki kelas Bahasa Inggeris sebagai B2. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesilapan pelajar B2 yang disebabkan pengaruh bahasa ibunda dalam pemilihan perkataan yang tidak sesuai dan kesilapan ejaan dalam bahasa Inggeris. Dalam penulisan ini, empat aspek diukur iaitu dalam atau sebutan atau pronunciation, kata hubung atau connector, kata sendi atau preposition dan pengucapan secara lisan atau verbal expression.

Perbezaan linguistik dan struktur bahasa Sepanyol dari segi sebutan, kata hubung, kata sendi dan ucapan dengan bahasa sasaran (bahasa Inggeris) merumitkan para pelajar dalam pembelajaran B2. Ini membuatkan para pelajar cenderung untuk mengaplikasikan tabiat bahasa ibunda (bahasa Sepanyol) dan memindahkannya dalam pembelajaran B2 yang menyebabkan kesilapan bahasa. Kesilapan-kesilapan pelajar B2 ini sangat berguna dan bermanfaat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menyediakan satu-satu perancangan pembelajaran secara individu. Pengkaji menyatakan kekerapan kesilapan yang berlaku membolehkan guru atau pengajar itu untuk

membina dan mengubah teknik-teknik pengajaran mereka dalam misi untuk menjadikan para pelajar ini berjatya dalam pemerolehi bahasa sasaran ini.

Lekova (2010) telah membincangkan dalam kajiannya tentang gangguan bahasa dalam pembelajaran bahasa asing. Kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar Bulgaria yang mempelajari Bahasa Perancis sebagai B2 untuk melihat gangguan bahasa ibunda dan hubungannya dengan bilingualism. Pengkaji ada menyentuh tentang dua jenis gangguan bahasa iaitu interlanguage dan intralanguage dan menggunakan pendekatan analisis contrastif (CA) dan analisis kesilapan dalam penulisannya.

Dalam konteks Malaysia, kajian tentang gangguan bahasa juga hangat diperbahaskan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Kajian Fatimah Adelina (1989) bertajuk '*Mother Tongue Interference In Native BM Speaker Of English*' yang berbentuk analisis kontrasif (CA), telah membincangkan tentang ramalan kesalahan penutur bahasa Melayu yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Hasilnya, pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Inggeris sebagai B2 adalah faktor yang menyebabkan kesalahan bahasa. Koh Kok Tin (2000) dalam tesisnya '*An Investigation of Subject-Verb Agreement Errors Interlanguage of ESL Learners*', mengisarkan tentang kesilapan penggunaan 'subject-verb agreement' di dalam bahasa antara. Responden yang diambil adalah dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini menunjukkan jumlah kesilapan yang diperolehi ialah 2,454 bersamaan (61.4%) yang dibahagikan kepada lima kategori utama yang meliputi daripada '*singular/plural subject-verb agreement*'. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah mengemukakan antara sebab-sebab kesilapan pelajar adalah pemindahan bahasa ibunda, kaedah pengajaran dan juga bahan-bahan pengajaran dan strategi pembelajaran.

Rubini Devi (2012) juga menjalankan kajian yang hampir sama. Kajian beliau dalam analisis kontrasif dan analisis kesilapan mengenai verb tense dalam kalangan pelajar Melayu. Perbincangan dalam kajian adalah mengenai perbezaan dan persamaan dalam sistem kata kerja dalam kedua-dua bahasa yang mengkhususkan dalam penggunaan 'tense' dalam bahasa Inggeris. Data yang dikumpul membuktikan

bahawa ‘present tense’ dan ‘subject-verb agreement’ (SVA) adalah antara bahagian yang sukar dipelajari oleh pelajar disebabkan gangguan bahasa ibunda.

Sofina (2012) yang mengkaji pengaruh bahasa pertama dalam penggunaan kata lampau di dalam penulisan bahasa kedua terhadap 33 orang responden di Universiti Teknologi Mara (Uitm) Puncak Alam, Shah Alam. Kajian yang bertajuk ‘The Influence of L1 on The Use of Tense and Aspect in L2 Writing’ ini menunjukkan bahawa pelajar masih lemah dalam penguasaan kata lampau bahasa kedua walaupun telah mempelajarinya sekian lama antaranya berpunca pengaruh bahasa pertama di samping mengenal pasti punca-punca lain yang menyebabkan pelajar mengalami masalah tersebut.

Selain kajian pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, bahasa-bahasa asing seperti bahasa Jerman turut dikaji. Schmitz (1991) dalam kajiannya tentang kesan gangguan bahasa dalam percakapan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Jerman menunjukkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran ketika belajar dan salah satu faktor yang mempengaruhi kesalahan pelajar adalah gangguan bahasa ibunda. Hazlina (2011), kajian beliau menganalisis pengaruh bahasa Melayu dalam strategi komunikasi tulisan pelajar dalam bahasa kedua, iaitu bahasa Perancis.

Kajian tersebut dalam bentuk deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang mendapati strategi komunikasi banyak digunakan dalam aktiviti penulisan pelajar yang mengandungi 846 elemen strategi komunikasi daripada 505 buah ayat yang dibina. Strategi yang paling dominan adalah berbentuk terjemahan literal. Ini bermakna pengaruh bahasa ibunda pelajar (bahasa Melayu) merupakan suatu aspek yang besar peranannya dalam strategi komunikasi mereka.

Kajian tentang bahasa Arab, Wejdan Muhammad (2000) dalam kajiannya yang bertajuk ‘Analisis Kesilapan Penggunaan *huruf al-Jarr* dalam Penulisan Pelajar Melayu di Jabatan Bahasa Arab dan Sastera’ yang membahaskan tentang kesilapan para pelajar Melayu dalam penggunaan *huruf al-Jarr*. Menerusi kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebab-sebab utama yang menjadi punca kepada kesilapan pelajar; iaitu kurangnya pengetahuan dari segi makna linguistik dalam satu-satu *harf al-Jarr* tersebut dan tiada ilmu ketika

meletakkan sesuatu *huruf al-Jarr* yang bergantung kepada kesesuaian konteks ayat. Kesimpulan kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa begitu pentingnya para pelajar Melayu ini untuk mendapatkan teknik pembelajaran yang betul dan sesuai untuk mengelakkan mereka daripada melakukan kesilapan. Ini kerana perbezaan di antara dua bahasa, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda pelajar dan juga bahasa Arab sebagai sasar pelajar, salah satu faktor boleh mengakibatkan pelajar cenderung melakukan kesilapan dalam mempelajarinya.

Che Radiah (2006) dalam analisis kesilapan (EA) terhadap pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab melalui penulisan karangan dalam bahasa Arab mendapati 2,466 kesilapan bahasa yang 372 (15.1%) daripadanya adalah disebabkan terjemahan secara literal dari bahasa ibunda. Ini menunjukkan pelajar bergantung kepada bahasa ibunda ketika menulis karangan BA.

Kesimpulannya, kajian gangguan Bahasa dan hubungannya dengan kajian kesalahan Bahasa telah banyak dilakukan dalam pelbagai Bahasa utama dunia seperti, Bahasa Inggeris, Sepanyol, Perancis, Arab, Melayu dan sebagainya. Kajian seperti ini penting kerana ia dapat membantu pengajar mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dan memperbaiki kelemahan kurikulum serta kaedah pengajaran Bahasa kedua.

GANGGUAN BAHASA

Ramai dalam kalangan pengkaji bahasa sibuk memperkatakan tentang gangguan bahasa dalam proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Gangguan bahasa boleh dilihat dalam peringkat bahasa yang berbeza. Ada sebahagian pengkaji bahasa mengatakan bahawa gangguan bahasa boleh berlaku pada tiga peringkat; iaitu 1) sebutan, 2) leksikal dan 3) tatabahasa (Lekova, 2010). Manakala, Hoffman (1991) menambah yang ke-4 daripada tiga tersebut iaitu; 4) ejaan. Selain itu, Ali al-Khuli (1988) juga mengemukakan pandangan beliau mengenai gangguan bahasa bahawa terdapat tujuh peringkat yang boleh berlakunya gangguan iaitu; 1) fonologi, 2) morfologi, 3) leksikal, 4) sintaks, 5) semantik, 6) paralinguistik, dan 7) budaya.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ahli bahasa tentang penentuan peringkat gangguan tersebut, tetapi kebanyakan

mereka bersetuju bahawa aspek morfologi dan sintaks adalah sebahagian daripadanya. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan tentang tatabahasa iaitu; peringkat morfologi dan sintaks sahaja.

Gangguan Morfologi

Gangguan ini adalah gangguan yang melibatkan struktur morfologi B2 telah dipengaruhi oleh morfologi B1 (Ali al-Khuli, 1988: 99-100). Gangguan ini termasuklah pembentukan kata atau perkataan yang ditiru daripada bahasa asal lalu diguna pakai dalam bahasa sasar. Apabila merujuk kepada pembelajaran BA, ianya merangkumi perbentukan dan perubahan kalimah isim (dari sudut bilangan: jama' dan ta'niith), fi'il (madhi, mudhari' dan amr), isytiqaq (word building derivation) dan sebagainya (Ali al-Khuli, ibid).

Bahasa Arab merupakan bahasa yang sangat mementingkan masa dalam penggunaan kata kerja (al-fi'il). Dalam BA terdapat tiga kata kerja iaitu madhi, mudhari' dan amr yang apabila diletakkan dalam satu ayat, maka kita akan mengetahui bahawa zaman atau masa berlakunya perbuatan tersebut. Ketiga-tiga kata kerja ini akan dibentuk mengikut kaedah bahasa yang dipanggil dengan tasrif dalam ilmu morfologi BA. Manakala dalam BM, ianya tidak mengikut bentuk tasrif atau perubahan kalimah sepertimana dalam bahasa Arab. Justeru, masa dalam BM akan diketahui dengan adanya الأفعال المساعدة (kata kerja bantu) atau kata sendi yang diletakkan bersama kata kerja (Asem, 2009: 215-217).

Bagi menunjukkan masa lepas, biasanya orang Melayu akan menggunakan perkataan telah, sudah dan pernah sebagai kata kerja bantu bagi menyatakan perbuatan tersebut telah berlaku seperti Ayah telah membeli sebuah rumah. Selain itu, kita sering dapati orang Melayu menggunakan kalimah sedang dan tengah bagi menunjukkan perkara itu sedang berlaku, contohnya Liyana sedang menanam sayur di kebunnya.

Jadual 1.1: Masa Dalam Kata Kerja B. Melayu dan B. Arab

Kata Kerja (Masa)	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Masa lepas/ <i>al-Madi</i>	Khalid telah makan nasi kelmarin	أَكَلَ خَالِدُ الْأُرْزَ بِالْأَمْسِ

9 | Gangguan Bahasa dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu

Masa sedang/ <i>al-Mudari'</i>	Khalid sedang makan nasi sekarang	يَأْكُلُ خالد الأرز الآن
Masa akan datang/ <i>al-mustaqbal</i>	Muhamad akan makan nasi	سَيَأْكُلُ محمد الأرز
Suruh/ <i>al-'amr</i>	Muhammad, makanlah	كُنْ يا محمد

Kata kerja “makan” dalam BM tidak berubah bentuk polanya sama ada masa lepas mahupun masa sedang. Perbuatan masa lepas atau sedang dapat dibezakan dengan menyandarkan kata kerja bantu atau kata sendi. Seperti dalam contoh di atas. Dalam Bahasa Arab, kata kerja makan akan berubah mengikut masa; iaitu أكل *fi'il madi* bagi menunjukkan sesuatu yang lepas dan يَأْكُلُ *fi'il mudari'* untuk yang sedang berlaku.

Disebabkan terdapat perbezaan di antara BA dan BM yang ketara dalam penggunaan kata kerja, maka keberangkalan pelajar Melayu yang mempelajari BA sebagai bahasa kedua untuk melakukan kesalahan bahasa adalah tidak mustahil. Kesalahan ini sering dikaitkan dengan rujukan pelajar terhadap hukum-hukum daripada bahasa ibunda mereka lalu diadaptasikan dalam bahasa sasar. Andai kata, seorang pelajar menulis sebuah ayat BM ‘*Khalid pergi ke taman*’. Dalam ayat tersebut, terdapat kesamaran jika dibandingkan dengan kaedah BA iaitu tiada penjelasan tentang bilakah masa permegian Khalid ke taman, adakah ia telah berlaku ataupun sedang berlaku? Maka ketika menulis BA, pelajar boleh terikut-ikut cara bahasa ibunda mereka. Mungkin mereka menulis sama ada menggunakan ذهب خالد إلى الحديقة atau يذهب خالد إلى الحديقة disebabkan mereka meniru gaya BM, di mana kata kerja pergi terlalu umum tidak diketahui masa berlaku perbuatan Khalid itu. Brown (2000) menjelaskan bahawa kesalahan bahasa seperti ini sering berlaku dalam kalangan pelajar bahasa sasar yang baharu belajar di peringkat awal.

Selain itu, aspek jantina (نوع) dan bilangan (عدد) juga sangat perlu diambil kira ketika seseorang yang ingin mempelajari BA. Aspek jantina dan bilangan mempengaruhi bentuk kata kerja Bahasa Arab. Hal ini tidak berlaku dalam Bahasa Melayu. Bilangan yang dimaksudkan ini adalah kata nama tunggal (*al-mufrad*), kata nama duaan (*al-muthanna*) dan kata nama jama' (*al-jama'*). Ianya dapat dilihat seperti jadual berikut:

Jadual 1.2: Hubungan Kata Kerja Dengan Subjek (Fā‘il & Muftada’)

Jantina dan bilangan	Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Seorang lelaki	Pelajar lelaki itu telah bermain bola	الطالب لعب الكرة
Dua orang lelaki	Dua orang pelajar lelaki itu telah bermain bola	الطالبان لعبا الكرة
Tiga (atau lebih) orang lelaki	Tiga orang pelajar lelaki itu bermain bola	الطالب لعبوا الكرة
Seorang perempuan	Pelajar perempuan itu telah bermain bola	الطالب لعبت الكرة
Dua orang perempuan	Dua orang pelajar perempuan itu telah bermain bola	الطالب لعبتا الكرة
Tiga (atau lebih) orang perempuan	Tiga orang pelajar perempuan itu bermain bola	الطالب لعبن الكرة

Jadual ini menunjukkan setiap perubahan pola kata kerja BA yang mengikut jantina dan bilangan. Jika bilangannya seorang yang berjantina lelaki ia menggunakan لعب dan لعبت untuk seorang perempuan; لعبا bagi dua orang lelaki dan لعبتا bagi dua orang perempuan; dan لعبوا untuk tiga atau lebih orang lelaki dan لعبن untuk tiga atau lebih orang perempuan. Kesemua pola daripada kata kerja لعب (bermain) adalah tidak sama di mana penggunaannya perlu mengikut pola atau wazan yang ada dalam morfologi Arab yang melibatkan jantina dan bilangan. Walau bagaimanapun, BM kekal sama bagi kata kerja bermain walaupun jantina dan bilangannya berbeza.

Perbezaan linguistik di antara bahasa asal dengan bahasa ini menjadi penyebab berlakunya pengaruh bahasa ibunda (PBI) dalam pembelajaran bahasa kedua (PB2) atau bahasa asing (Mukattash, Lewis, 1980: 333-348) . Oleh itu, pelajar yang belajar BA sebagai bahasa kedua ada kalanya menjadi keliru ketika mempraktikkan hukum morfologi terutama pelajar Melayu. Pelajar Melayu yang menulis ayat BA sentiasa dibayangi dengan gaya bahasa ibunda mereka (bahasa Melayu) dari aspek morfologi seperti dalam jadual 1.3 di bawah:

Jadual 1.3 Kesalahan Morfologi

Bahasa Melayu (bahasa ibunda)	Bahasa Arab (bahasa sasar)	Ayat bahasa Arab yang betul
Nizam menulis surat	نظام يكتب الرسالة	-
Fatimah menulis surat	فاطمة يكتب الرسالة	فاطمة تكتب الرسالة
Saad dan Zaid menulis surat	سعد وزيد يكتب الرسالة	سعد وزيد يكتبان الرسالة
Maryam, Zainab dan Khadijah menulis surat	مریم وزینب و خدیجة يكتب الرسالة	مریم وزینب و خدیجة يكتبن الرسالة

Kesalahan seperti ini sering berlaku dalam pembelajaran BA di mana pelajar mengikut kaedah bahasa ibunda mereka, iaitu tidak mengubah pembentukan pola kata kerja yang digunakan bagi jantina dan bilangan berbeza. Selain daripada itu, pelajar Melayu juga boleh terpengaruh dengan bahasa Melayu yang dipelajari menggunakan huruf jawi. Jika pelajar ingin menulis perkataan hidayah dalam bahasa Arab, ada ketika didapati mereka menulis هدايه, sedangkan sebetulnya ialah هداية. Begitu juga, pelajar sering keliru semasa menterjemahkan perkataan صلاة dengan solat atau solah. Pelajar terkesan dengan kaedah penulisan Jawi.

Bagi pelajar asing yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai B2, Touchi, Hanna (1986) menyatakan bahawa terdapat pelajar menggunakan perkataan seperti womans, sheeps atau furnitures ketika membina ayat bagi menjelaskan perkataan yang digunakan tersebut adalah plural atau banyak. Ia adalah kesalahan bahasa yang tidak dapat lari daripada kebiasaan yang dilakukan oleh pelajar bahasa. Begitu juga dalam pembelajaran bahasa yang lain, gangguan morfologi ini melibatkan penggunaan prefixes, suffixes, infixes, affixes dalam sesuatu perkataan yang dipengaruhi oleh pelajar dengan struktur bahasa ibunda mereka lalu diadaptasikan dalam bahasa sasar.

Gangguan Sintaks

Gangguan boleh berlaku dalam berbentuk sintaksis; melibatkan sistem tatabahasa B1 yang salah digunapakai dalam mengaplikasikan B2. Pengkaji melihat ianya suatu kesalahan disebabkan gangguan di mana pelajar PB2 meniru atau mengambil secara bulat-bulat daripada

penggunaan bahasa ibunda. Kadangkala, ia boleh juga berlaku disebabkan kejahilan pelajar terhadap tatabahasa bahasa sasar.

Hal ini dikaitkan dengan pembelajaran BA sebagai bahasa kedua oleh pelajar Melayu. Biasanya gangguan ini merangkumi penggunaan ketiga-tiga unsur utama BA iaitu *al-isim*, *al-fi'il* dan *al-harf* yang melibatkan dalam susun atur sesuatu ayat dan struktur ayat yang variasi dalam kaedah nahu bahasa Arab yang mana tidak sama dengan bahasa asal penutur (bahasa Melayu).

Asmah Omar (2008: 197-216) mengatakan bahawa biasanya pola ayat BM terdiri daripada Subjek + Predikat atau Pelaku/Kata Nama + Perbuatan/Kata Kerja+ (Objek) + (Adverba). Bagi ayat *Noh memotong kayu*, Noh (subjek) + memotong (kata kerja) + kayu (objek). Struktur ayat yang terdiri daripada S+V+O+ Adverba dalam BM sama seperti ayat dalam BA yang dipanggil ayat namaan (*ismiyyah*) seperti, *الأب يقتل الثعبان* (ayah membunuh ular). Apabila kita bandingkan kedua-dua ayat dalam BM dan BA tersebut, kita dapati terdapat persamaan yang setara dari segi susun atur struktur ayat yang digunakan.

Namun, dalam BA terdapat bentuk atau gaya struktur yang jauh berbeza jika dibanding dengan BM. Hal ini kerana susun atur ayat BA yang digunakan mempunyai elemen dan caranya yang tersendiri yang tidak dapat dipraktikkan dalam BM. Malah, ayat ini jika diterjemahkan secara langsung dalam BM dan ia akan memberi makna yang janggal bila didengari.

Antara elemen yang dimaksudkan ialah pendepanan dan pengakhiran (*taqdim wa ta'khir*) seperti, *أكرمك الله، قتلها العسكري، ضربني الرجل*, dan *أكرمك الله*. Struktur ayat ini mempunyai bentuk V + O + S. Struktur ayat sebegini tidak berlaku dalam kaedah BM dan apabila ia diterjemahkan secara langsung ke BM, ia berbunyi *memukulku lelaki itu, membunuhnya pembunuh itu, dan memuliakanmu Allah*. Bahkan, apabila dikaitkan dengan pembelajaran BA oleh pelajar Melayu, tidak mustahil mereka juga membina ayat BA dengan terikut-terikut cara bahasa ibunda mereka disebabkan kebiasaan (habit) dalam BM dengan meletakkan objek selepas subjek dan kata kerja seperti; *أنا، ضرب الرجل أنا، قتل العسكري*, dan *أكرمك الله أنت هي*. Hal ini dipanggil sebagai gangguan sintaksis yang biasa dilakukan oleh pelajar Melayu tanpa merujuk kepada aspek *taqdim* dan *ta'khir* dalam bahasa Arab.

Jadual 1.4: Contoh Struktur Ayat BA Yang Dipengaruhi oleh Bahasa Ibunda (Bahasa Melayu)

Ayat yang dipengaruhi BM	Ayat BA yang betul
ضرب الرجل أنا	ضربني الرجل
قتل العسكري هي	قتلها العسكري
أكرم الله أنت	أكرمك الله

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencari objektif berikut:

1. Mengenal pasti kewujudan gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Arab di KUIPSAS.
2. Mengkategorikan kesalahan sintaks pelajar yang terhasil disebabkan gangguan bahasa ibunda dalam penulisan bahasa Arab.
3. Menghuraikan bentuk gangguan bahasa yang dialami oleh pelajar-pelajar Melayu dalam penulisan bahasa Arab mengikut teori Ali al-Khuli.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah kewujudan gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Arab di KUIPSAS?
2. Bagaimanakah kategori kesalahan sintaks pelajar yang terhasil disebabkan gangguan bahasa ibunda dalam penulisan bahasa Arab?
3. Apakah bentuk gangguan bahasa yang dialami oleh pelajar-pelajar Melayu dalam penulisan bahasa Arab?

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan karangan pelajar sebagai instrument kajian bagi mendapatkan data. Unsur-unsur bahasa asal pelajar daripada aspek sintaks dalam karangan pelajar dapat dikesan melalui kesalahan-kesalahan yang telah dikenal pasti. Responden kajian terdiri daripada 40 orang pelajar pengkhususan bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) Kuantan, Pahang. Mereka merupakan pelajar program Diploma Bahasa Arab, Tamadun Islam (BATI) dan Diploma Bahasa Arab Komunikasi (BAKOM) daripada semester yang berbeza.

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Di bawah ini disenaraikan beberapa contoh kesalahan pelajar yang berpunca daripada gangguan bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Setiap kesalahan dalam jadual di bawah diambil daripada ujian penulisan karangan serta dibincangkan mengikut kategori dan sebab kesalahan yang dipengaruhi oleh bahasa ibunda.

Jadual 1.5: Contoh Kesalahan, Kategori dan Sebab

Bil	Penggunaan dalam Bahasa Ibunda (bahasa Melayu)	Penggunaan yang Salah	Penggunaan yang Betul	Kategori Kesalahan	Sebab kesalahan
1	Saya suka bermain bola sepak bersama kawan saya	أحب أَلعب كرة القدم مع صديقي	أحب أن أَلعب كرة القدم مع صديقي	Sintaks	Tidak meletakkan “an” di antara kata kerja
2	Islam menggalakkan manusia untuk menuntut ilmu	شَجَّعَ الإسلامُ الناسَ جميعهم لِيُطلب العلمَ	شَجَّعَ الإسلامُ الناسَ جميعهم عَلَي طلب العلم	Sintaks	Menggunakan kata sendi tak sesuai
3	Kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar	المهارات الكلام والمهارات الاستماع	مهارات الكلام ومهارات الاستماع	Sintaks	Tidak membuang “al” bagi frasa anaksi
4	Agama Islam menitikberatkan ilmu	الدين الإسلام اهتمّ العلم	الدين الإسلام اهتمّ بالعلم	Sintaks	Tidak meletakkan kata sendi bersama kata kerja
5	Hendaklah kita mempelajari (belajar)...	ينبغي علينا أن نَتَعَلَّمَ...	ينبغي علينا أن نَتَعَلَّم...	morfologi	Menggunakan kata infinitif yang tidak tepat
6	Manakala al-Quran membimbing orang Islam	أما القرآن إرشاد المسلم	أما القرآن فيرشد المسلم..	Sintaks	Penggunaan kata infinitive tidak tepat
7	Bersama adik perempuan yang kecil	أختي مع صغيرة...	أختي مع الصغيرة...	Sintaks	Tidak meletakkan “al” bagi sifat

15 | Gangguan Bahasa dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu

8	Saya suka menonton drama di televisyen	أنا أحب أشاهد المسلسل في التلفزيون	أنا أحب أن أشاهد المسلسل في التلفزيون	Sintaks	Tidak meletakkan “an” di antara kata kerja
9	Allah bertanya kepada hambaNYA.	الله يسأل إلى عبده	يَسْأَلُ عَبْدَهُ	Sintaks	Meletakkan kata sendi bagi kata kerja transitif
10	Dengan menonton drama dapat mengurangkan stress	بشاهد المسلسل...	بمشاهدة المسلسل...	morfologi	Menggunakan kata kerja selepas <i>harf jar</i>
11	Membolehkan saya menambah (tambah) maklumat	يمكنني أن زيادة المعلومات	يمكنني أن أزيد المعلومات أو يمكنني زيادة المعلومات	Morfologi	Menggunakan kata infinitif yang tidak tepat
12	Rukun yang kedua	ركن الثاني...	الركن الثاني...	Sintaks	Tidak meletakkan “al” pada <i>mawsuf</i>
13	Bahasa Arab adalah penting	اللغة العربية مهم	اللغة العربية مهمة	Sintaks	Prediket tak sama dengan subjek dari segi jenis
14	Kerana dengan memasak mendapat ilmu	لأن بطبخ توجد العلم	بالطبخ يُكسب العلم	Sintaks	Penggunaan gaya Bahasa tidak tepat
15	Muslim yang tidak mendirikan solat...	المسلمين لا يقيم الصلاة...	المسلمون لا يقيمون الصلاة...	Morfologi	Subjek dan kata kerja tidak sama dari segi bilangan
16	Dia mengetahui tentang sejarah Islam	يَعْرِفُ عَنْ تاريخ الإسلام	يَعْرِفُ تاريخ الإسلام	Sintaks	Meletakkan kata sendi pada kata kerja transitif
17	Dalam kehidupan setiap muslim	في الحياة كل مسلم...	في حياة كل مسلم...	Sintaks	Tidak membuang “al” pada frasa anaksi

16 | Gangguan Bahasa dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu

18	Bahasa yang hebat	لغة العظيمة	اللغة العظيمة	Sintaks	Tidak meletakkan "al" <i>mawsuf</i>
19	Bahasa Arab penting dalam kehidupan kita kerana ia	اللغة العربية مهمة في حياتنا لأن هي ...	اللغة العربية مهمة في حياتنا لأنها	Sintaks	Salah menggunakan gantinama mufasil
20	Solat lima puluh waktu	الصلاة خمسون أوقات	الصلاة خمسون وقتا	Sintaks	Penggunaan <i>tamyiz</i> yang tidak tepat
21	Ia berdekatan dengan rumah saya.	هو قريب بيبي	هو قريب من بيبي	Sintaks	Salah menggunakan kata sendi
22	Program yang diadakan...	البرنامج الذي تقام...	البرنامج الذي يقام...	Sintaks	Penggunaan kata kerja tidak selaras dengan kata hubung
23	Bahasa Arab penting dalam mempelajari	اللغة العربية مهم في يُدرُس	اللغة العربية مهم في دراسة	morfologi	Salah menggunakan bentuk kata
24	Solat memerlukan kepada...	الصلاة يحتاج إلى...	الصلاة تحتاج إلى...	Sintaks	Kata kerja/ prediket tak sama dengan subjek
25	Digalakkan muslimin dan muslimat untuk memahami mempelajari mengetahui bahasa ini	يُشجَع المسلمون والمسلمات ليفهم ليدرُس ليعرف هذه اللغة...	المسلمون والمسلمات مشجعون على فهم ودراسة ومعرفة هذه اللغة...	morfologi	Salah menggunakan bentuk kata
26	Manakala Eiduladha disambut pada sepuluh Zulhijjah	أما تستقبل عيد الأضحى عشر ذو الحجة	أما عيد الأضحى فيستقبل في يوم العاشر من ذي الحجة	Sintaks & morfologi	Kata kerja tidak selaras dengan subjek dan salah penggunaan bentuk kata

17 | *Gangguan Bahasa dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu*

27	Bahasa ini ialah bahasa yang pertama...	هذه اللغة هي لغة الأولى	هذه اللغة هي اللغة الأولى	Sintaks	Tidak meletakkan “al” pada <i>mawsuf</i>
28	Institusi keagamaan yang berkembang...	مؤسسة الدينية التي يتطور...	المؤسسة الدينية التي تتطور...	morfologi	Kata kerja tak sesuai dengan kata hubung

Kategori kesalahan dalam jadual (1.5) di atas adalah secara majoritinya disebabkan faktor gangguan bahasa ibunda dalam pemindahan negatif. Selain itu, faktor kejahilan terhadap sekatan peraturan bahasa atau generalisasi melampau bermungkinan juga antara sebab pelajar melakukan kesalahan.

KESIMPULAN

Daripada dapatan kajian, dapat dibuat kesimpulan bahawa responden Melayu akan terdedah dengan kesalahan bahasa yang punca utamanya daripada pengaruh bahasa ibunda. Pelajar sering membayangkan kaedah yang digunakan dalam bahasa ibunda (bahasa Melayu) dan memindahkan ke dalam bahasa yang baru dipelajari (bahasa Arab). Selain daripada itu, perbezaan struktur BA dan BM juga amat jauh disebabkan oleh kedua-dua Bahasa tersebut tergolong dalam keluarga Bahasa yang berbeza dimana BM datang daripada keluarga Bahasa Austronesia, manakala BA datang daripada keluarga Bahasa Semit-Hemit. Selain daripada itu, pelajar melakukan kesalahan disebabkan oleh strategi pengajaran yang kurang berkesan dan kurangnya latihan yang cukup.

Pelajar juga boleh dikatakan kurang menguasai kosa kata dalam bahasa Arab sehingga pergantungan terhadap kamus semata-mata tanpa meraikan pemilihan kata dan perkataan sesuai yang digunakan dalam kaedah bahasa Arab. Tenaga pengajar atau guru harus melihat masalah ini sebagai suatu yang serius yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Gangguan bahasa yang menghasilkan kesalahan-kesalahan pada setiap peringkat bahasa perlu ditunjukkan kepada pelajar dan dimanfaatkan agar ia dapat menjadi bahan pengajaran ketika dalam kelas.

RUJUKAN

- Aidini Puji Pratiwi., (2015). Interlingual and Intralingual Errors of Writing Narrative Text Made by Junior High School and Senior High School Students. Tesis Master Pengajian Bahasa. Fakulti Bahasa Inggeris. Indonesia: Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Ali Al-Khauili. Muhammad. (1988). *Al-Hayatu Ma'a Lughatain: Al-Thunaiyyatu Al-Lughawiyyat*. Arab Saudi: Riyadh.
- Antrim, Nancy. (2008). Beyond The Handbook: The Influence of L1 In The Language Classroom. Dlm. *The Open Applied Linguistics Journal*. No. 1, 2008: ms 42-45.
- Asem Shahadah Ali., (2009). *Al-Lisaniyyat al-Mu'asirah li al-Darisin fi al-Jami'at al-Maliziyyat*. Gombak, Selangor: IIUM Press.
- Asmah Haji Omar., (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bhela, Baljit., (1999). Native Language Interference in Learning a Second Language: Eploratory Case Studies of Native Language Interference with Target Language Usage. *International Education Journal*. Vol 1. No 1: ms 22-31.
- Brown, H. Douglas. (2000). *Principles of Language Learning and Teaching*. Ed. ke-4. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Dulay, H., Burt, M., & Krashen, S., (1982). *Language Two*. England: Oxford, Oxford University Press.
- Ellis, R., (1997). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fatimah Adelina Sastrawidjaja., (1989). Mother Tongue Interference In Native BM Speaker Of English. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hazlina Abdul Halim., (2011). Pengaruh Bahasa Melayu dalam Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Perancis. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Selangor: Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Hoffmann, Charlotte., (1991). *An Introduction to Bilingualism*. London and New York, Longman Group UK Limited.
- Koh Kok Tin., (2000). An Investigation of Subject-Verb Agreement Errors in Interlanguage of ESL Learners. Disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Lekova, Branimira., (2010). *Language Interference and Method of Its Overcoming in Foreign Language Teaching*. Trakia Journal of Science, Vol. 8, Suppl. 3: ms 320-324.
- Lott, D., (1983). Analyzing and Counteracting Interference Errors. Dlm. *ELT Journal*. Vol. 37/3, 1983: ms 256-261.
- Mukattash, Lewis., (1980). Contrastive Analysis, Error Analysis, and Learning Difficulty. Dlm. *Contrastive Linguistics*, ms 333-348. Berlin, Jerman: Walter De Gruyter & Co., Mouton Publishers.

19 | *Gangguan Bahasa dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu*

- Rubini Devi a/p Suppiramaniam., (2012). *Interference in Learning English: Analysis of Verb Tense Error among Malay ESL Learners*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Schmitz, Michael Johnnes., (1991). *Bahasa Malaysia dan German Problem of Source Language Interference With Malay Learner of German*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sofina., (2012). *The Influence of L1 on The Use of Tense and Aspect in L2 Writing*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Touchie, Hanna Y., (1986). *Second Language Learning Errors Theirs Types, Causes, and Treatment*. JALT Journal, Volume 8, No. 1, 1986.
- Wejdan Muhammad Soleh Kanali., (2000). *Tahlil al-Akhta' Kitabah Fi Istikhdami Huruf al-Jar li Talabah Malayuwiiyyin fi Qism Lughatil Arabiyyah Wa Adabiha*. Tesis Sarjana. Gombak: University Islam Antarabangsa Malaysia.

Nor Asree Mohd Noh
Kolej Universiti Islam Melaka
Batu 28 Kuala baru 78200
Melaka
Email: asree@kuim.edu.my

Ab. Halim Mohamad
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Email: abhalim@upm.edu.my